



15 Ogos 2024
15 August 2024
P.U. (A) 217

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN) 2024

*ELECTIONS (REGISTRATION OF ELECTORS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 20 Ogos 2024.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [P.U. (A) 293/2002], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2, dalam takrif “pengundi tidak hadir”—

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “atau”;

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma bernoktah di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(c) dengan memotong perenggan (c), (d), (e) dan (f).

Pindaan peraturan 13A

3. Peraturan 13A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “selepas berakhirnya setiap bulan, memperakui daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran” dengan perkataan “, memperakui daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran bagi setiap bulan”;

- (b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Seberapa segera yang boleh selepas pemerakuan di bawah subperaturan (1), notis bahawa daftar pemilih tambahan itu atau salinan daftar pemilih tambahan itu terbuka untuk diperiksa mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan dikeluarkan oleh—

- (a) Ketua Pendaftar dalam hal berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi lebih daripada satu kawasan pendaftaran; atau
- (b) Pendaftar dalam hal berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi satu kawasan pendaftaran atau satu unit pendaftaran.”; dan
- (c) dengan memotong subperaturan (3).

Pindaan Jadual

4. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Borang A—
- (a) dalam perenggan 1, dengan memotong perkataan “/pengundi yang tinggal di luar negara”;
- (b) dengan memotong perenggan 9;
- (c) dengan memotong perenggan 10; dan
- (d) dengan menomborkan semula perenggan 11 yang sedia ada sebagai perenggan 9.

Peruntukan peralihan

5. Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, dalam tempoh enam bulan selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu untuk memaklumkan kepada pemilih yang terkesan berhubung dengan pembatalan kategori pengundi tidak hadir yang berkenaan.

Dibuat 5 Ogos 2024
[SPR(R)108; PN (PU2)178D/JLD.104]

Dengan perintah Suruhanjaya Pilihan Raya

DATO' INDERA IKMALRUDIN BIN ISHAK
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958]

ELECTIONS ACT 1958

ELECTIONS (REGISTRATION OF ELECTORS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Elections Act 1958 [Act 19], the Election Commission, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Elections (Registration of Electors) (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 20 August 2024.

Amendment of regulation 2

2. The Elections (Registration of Electors) Regulations 2002 [*P.U. (A) 293/2002*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2, in the definition of “absent voter”—

(a) in paragraph (a), by inserting after the semicolon at the end of the paragraph the word “or”;

(b) in paragraph (b), by substituting for the semicolon at the end of the paragraph a full stop; and

(c) by deleting paragraphs (c), (d), (e) and (f).

Amendment of regulation 13A

3. Regulation 13A of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “after the end of each month, certify the supplementary electoral roll of the registration area” the words “, certify the supplementary electoral roll of the registration area for each month”;

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) As soon as possible after the certification under subregulation (1), notice that the supplementary electoral roll or a copy of the roll is open for inspection in the manner as determined by the Election Commission shall be published in the *Gazette* and issued by—

(a) the Chief Registrar in respect of the supplementary electoral roll of more than one registration area; or

(b) the Registrar in respect of the supplementary electoral roll of one registration area or one registration unit.”; and

(c) by deleting subregulation (3).

Amendment of Schedule

4. The Schedule to the principal Regulations is amended in Form A—

(a) in paragraph 1, by deleting the words “/voter living oversea”;

(b) by deleting paragraph 9;

(c) by deleting paragraph 10; and

(d) by renumbering the existing paragraph 11 as paragraph 9.

Transitional provision

5. The Election Commission shall, within a period of six months after the coming into operation of these Regulations, take any action as it deems necessary to inform the affected electors relating to the cancellation of the relevant category of absent voters.

Made 5 August 2024
[SPR(R)108; PN (PU2)178D/JLD.104]

By order of the Election Commission

DATO' INDERA IKMALRUDIN BIN ISHAK
Secretary
Election Commission

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 17 of the Elections Act 1958]